


<b>Headline</b>	<b>Satu suara, sejuta pokok</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Date</b>	<b>18. Mar 2009</b>	<b>Page No</b>	<b>32,33</b>
<b>Media Title</b>	<b>Kosmo</b>	<b>Article Size</b>	<b>1290 cm2</b>
<b>Section</b>	<b>Kosmo 2</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Circulation</b>	<b>120000</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Readership</b>	<b>234000</b>	<b>AdValue</b>	<b>11216.61</b>



GAMBAR kenangan yang akan diingati selama-lamanya dalam penglibatan kempen *A Million Trees. A Million Dreams.*



SALAH satu pokok yang ditanam oleh Shaklee di FRIM, Kepong.

Headline **Satu suara, sejuta pokok**  
Date **18. Mar 2009**  
Media Title **Kosmo**



Headline **Satu suara, sejuta pokok**  
Date **18. Mar 2009**  
Media Title **Kosmo**



BRADFORD RICHARDSON, Presiden Shaklee menghulurkan bantuan menanam anak pokok bersama kakitangan Shaklee lain.



DARI kiri: Bradford Richardson, Roger Barnett, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod dan Victor Lee.



ROGER BARNETT (kanan) melihat kerja-kerja penanaman beberapa anak pokok di FRIM, Kepong.

## Satu suara, sejuta pokok

Hijaukan Bumi dengan menanam sebatang pokok di rumah anda atau sejuta pokok di seluruh dunia.

Oleh SUBASHINI RAJANDRA

J IKA angka sejuta mampu meluahkan suara lantang pencinta alam terhadap kempen menghijaukan semula Bumi dan sampai ke telinga masyarakat dunia, maka itulah pilihan paling tepat yang diambil oleh syarikat Shaklee dari Amerika Syarikat. Bagi membuktikan sokongannya terhadap usaha-usaha mengekalkan dan memulihara alam semula jadi, Shaklee Malaysia telah 'turun' padang untuk menjayakan projek menanam pokok di seluruh pelosok dunia.

Bermula dari Amerika Syarikat, Kanada hingga ke Kenya, banyak pokok telah ditanam oleh keluarga besar Shaklee bersama penduduk tempatan dengan bantuan kerajaan

di negara-negara tersebut. Malaysia tidak ketinggalan memberi sokongan padu kepada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang menyediakan satu lot tanah khas bagi menanam pokok-pokok yang disumbang oleh pihak Shaklee.

Bertemakan *A Million Trees. A Million Dreams.*, kempen yang bermula sejak tahun 2006 itu akan diteruskan bagi tempoh tiga tahun lagi sebelum berakhir dengan melakar sejarah penting buat generasi akan datang. Menurut Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif Shaklee Corporation, Roger Barnett, program itu sejajar dengan misi dan visi syarikat ini yang menghasilkan produk-produk mesra alam.

Malah pada tahun 2000, Shaklee menjadi syarikat pertama di dunia menerima pengiktirafan Climate Neutral™ apabila berjaya membuktikan bahawa syarikat itu telah berhenti mengeluarkan gas karbon dioksida yang menjelaskan kesejahteraan Bumi dalam jangka masa panjang. Ini termasuk kerja-kerja mengaudit dari bahan asal kepada produk, pemungangan dan operasi syarikat.

Shaklee juga melabur dalam program-program pengurangan tenaga fosil yang dibebaskan iaitu pembinaan kincir angin dan panel solar untuk menghentikan pembebasan gas karbon dioksida. Syarikat itu juga mempunyai sistem rawatan air dan udara yang canggih.

"Tabiat menanam satu pokok di

**“Menanam satu pokok di sebuah rumah adalah satu aktiviti yang mudah dilakukan, namun ramai yang memandang ringan isu ini kerana ia sering kali dilihat sebagai masalah orang lain”**  
– VICTOR LIM

sebuah rumah adalah satu aktiviti yang mudah dilakukan, namun ramai yang memandang ringan isu ini kerana ia sering kali dilihat sebagai masalah orang lain," kata Victor Lim, Pengurus Besar Shaklee Products (Malaysia) Sdn. Bhd.

"Pokok-pokok mengembalikan kekuatan pada tanah yang mudah hakis dengan cengkaman akar yang kuat, menggalakkan biodiversiti alam, menyerap gas karbon dioksida yang berlebihan serta menyekujurkan persekitaran untuk pernafasan udara yang lebih bersih dan segar."

"Kami muhi menggunakan peluang ini untuk memberi kesedaran dan memindik masyarakat umum supaya mengambil tanggungjawab terhadap isu pemajasan global. Siapa tahu, selepas kejayaan

kempen ini, kita akan meletakkan sasaran kepada satu bilion pokok untuk ditanam di seluruh Malaysia," ujar Victor sambil menanam sebatang anak pokok bersama Roger dan Bradford Richardson, Presiden Shaklee International.

Dengan lebih daripada 50 tahun pengalaman di dalam bidang Pemasaran Pelbagai Peringkat (MLM), Shaklee juga memanjangkan sokongan kepada sambutan Hari Bumi, Hari Perhutanan Sedunia, Hari Alam Sekitar Sedunia dan sebagainya.

Laporan perniliaan keempat yang dikeluarkan oleh Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim menunjukkan saintis global bersetuju bahawa aktiviti manusia menyumbang sebanyak 90 peratus terhadap aktiviti pembebasan gas Rumah Hijau.

Pada masa ini, kira-kira 60 peratus daripada kawasan tanah di Malaysia diliputi hutan dan tanaman pokok seperti getah, kelapa sawit dan koko yang jika dihitung, keluasan itu akan bertambah kepada 77 peratus.

Turu hadir menjayakan program itu ialah Datuk Dr. Zool Azha Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod, Ketua Pengarah FRIM.

## **Sumbangan Shaklee terhadap alam semula jadi**

- Shaklee membantu membina sekolah, klinik kesihatan dan menanam lebih daripada sejuta pokok di Asia menerusi kerjasama dengan Pertubuhan Himalaya Amerika, sebuah organisasi Sir Edmund Hillary.
- Shaklee menaja tiga ekspedisi ke Kutub Utara oleh penjelajah terkenal, Will Steger bagi mengukur kesan rasaasah pemanasan global.
- Kempen *A Million Trees. A Million Dreams.* mendapat inspirasi daripada pemenang Nobel, Dr. Wangari Maathai dan pergerakannya dalam menghijaukan Bumi. Shaklee juga menderma AS\$100,000 (RM370,100) kepada pergerakan itu bagi menyokong usaha menanam pokok di Kenya.
- Pada sambutan Hari Bumi 2005, Shaklee menghulurkan derma sebanyak AS\$105,000 (RM388,605) kepada pergerakan Wangari, hasil daripada jualan Basic-H® Concentrated Organic Cleaner.
- Shaklee menaja sebuah projek elektrik di Sri Lanka dan India bagi menggantikan lampu kerosin dan diesel dengan panel solar yang meningkatkan taraf hidup penduduk di kedua-dua negara tersebut.

Headline **Satu suara, sejuta pokok**  
Date **18. Mar 2009**  
Media Title **Kosmo**

## Trivia

- Dalam hutan semula jadi, kebarangkalian sebijik benih tumbuh dan menjadi pokok matang yang sihat adalah satu dalam sejuta.
- Kawasan seluas seekar yang dicenuh pokok mampu membuat atau membersihkan lebih daripada 12 tan habuk dan gas dari kitaran udara dalam setahun.
- Pokok-pokok di sekelling rumah anda mampu meningkatkan nilai rumah sebanyak 15 peratus dan ke atas.
- Efek penyejukan oleh sebatang pokok muda yang sihat adalah bersamaan dengan alat penyaman udara untuk 10 buah bilik yang beroperasi selama 20 jam sehari.
- Jika anda menanam sebatang pokok di rumah anda pada hari ini, dalam tempoh lima tahun, bil tenaga elektrik akan turun sebanyak tiga peratus dan hampir 12 peratus menjelang 15 tahun akan datang.
- Pokok-pokok yang ditanam secara tersusun mengelilingi sesebuah bangunan dapat mengurangkan keperluan penggunaan alat penyaman udara sebanyak 30 peratus dan 20 hingga 50 peratus tenaga yang digunakan bagi tujuan pemanasan.
- Secara amnya, pokok adalah pakej stimulasi yang membantu meningkatkan pembangunan ekonomi, menarik pelancongan atau perniagaan baru serta melonjakkan sektor pelancongan. Kawasan komersial seperti kedai, pangaspuri dan bangunan akan cepat dijual jika mempunyai landskap tanaman pokok yang menarik.
- Tanaman pokok menambah baik kualiti air yang merendahkan kesan haksiran sekali gus meningkatkan bekalan air bawah tanah. Kawasan ini juga bebas daripada kelodak dan bahan kimia dari sungai atau punca air.
- Dalam penyelidikan makmal, pendedahan visual kepada pokok mampu memberi rawatan yang signifikan terhadap masalah tekanan hidup dalam tempoh lima minit. Ia dapat dipastikan melalui bacaan atau perubahan tekanan darah dan kekejangan otot.